



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
20 OGOS 2019 (SELASA)**

AKHBAR

MUKA SURAT

KOSMO

- Kakitangan berusia 40 Tahun ke bawah antara tertinggi ditahan SPRM

6



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
20 OGOS 2019 (SELASA)**

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Kakitangan berusia 40 Tahun ke bawah antara tertinggi ditahan SPRM
Muka Surat	6

Kakitangan berusia 40 tahun ke bawah antara tertinggi ditahan SPRM

KOJNO 20/8/19 ms 6

Penjawat awam paling ramai rasuah

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SHAH ALAM - Penglibatan penjawat awam di negara ini dalam aktiviti rasuah didapati membimbangkan apabila merekodkan 46.3 peratus daripada 4,860 individu yang ditanah bermula 2014 hingga Jun lalu.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya (gambar) berkata, kebanyakannya penjawat awam yang ditahan merupakan golo-

ngan muda berusia 40 tahun ke bawah.

"Kesalahan rasuah yang banyak berlaku membabitkan kakitangan dalam sektor perolehan.

"Kajian dilaksanakan SPRM mendapat, 22.1 peratus daripada responden penjawat awam sanggup menerima rasuah sekiranya mempunyai kuasa atau kedudukan dalam jawatan," katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani Ikrar Be-



bas Rasuah bersama kerajaan negeri Selangor di sini semalam.

Justeru, beliau menegaskan perkara tersebut harus diperbetulkan supaya kesalahan rasuah dalam kalangan penjawat awam dapat dihapuskan.

Sementara itu, Latheefa turut menyeru semua ahli politik yang mempunyai akses kepada dana awam supaya mengisytiharkan harta masing-masing sebagai usaha mengelak berlaku kegiatan rasuah.

Katanya, langkah itu juga perlu, bagi mengelakkan tohmannan bahawa seseorang ahli politik itu terlibat dalam kegiatan rasuah.

"Saya juga seru setiap kerajaan negeri bukan sahaja Selangor, untuk isytihar harta yang mana tidak terhad kepada Exco tetapi juga kepada Ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli majlis (pihak berkuasa tempatan)," jelasnya.

Mengulas lanjut, Latheefa berkata, pengisytiharan harta oleh Ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli majlis itu perlu dibuat kerana negeri mempunyai sumber kewangan yang tinggi sekali guna membuat lebih banyak peluang terhadap berlakunya kegiatan rasuah.